



99 SPEED MART menyemarakkan semangat kebersamaan sempena musim perayaan ini dengan membuat lawatan kepada pelbagai pusat kebajikan dan menyerahkan bantuan kepada golongan memerlukan.

99 Speed Mart agih 15,000 bakul perayaan bernilai RM700,000

KUALA LUMPUR – 99 Speed Mart terus memperkukuh komitmennya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina 2026.

Menerusi inisiatif tersebut, rangkaian pasar mini yang berkembang luas di negara ini, telah menyalurkan sumbangan lebih 15,000 set bakul perayaan dengan nilai keseluruhan melebihi RM700,000, melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk Pejabat Menteri Besar, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri serta rumah-rumah kebajikan.

Bakul makanan itu mengandungi pelbagai barangan keperluan asas bagi persiapan

perayaan antaranya seperti beras, biskut, bihun, minuman manis, tepung gandum, gula, kordial, kurma dan beras ketupat.

Ketua Pegawai Operasi 99 Speedmart, Yong Eng Kwang berkata, program ini adalah komitmen berterusan syarikat dalam menyokong kesejahteraan masyarakat khususnya golongan yang memerlukan agar mereka dapat membuat persiapan pada musim perayaan ini dengan lebih sempurna.

"Pada masa yang sama, ia juga sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan yang terus memberikan kepercayaan kepada 99 Speedmart sebagai destinasi utama pembelian barangan keperluan harian.

"Program ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam memperkukuh

tanggungjawab sosial korporat," katanya dalam satu kenyataan.

Eng Kwang menjelaskan, sumbangan ini diharapkan dapat menceriakan sambutan perayaan terutamanya bagi keluarga kurang berkemampuan agar mereka turut berpeluang menikmati kegembiraan bersama insan tersayang.

Tambah beliau, sumbangan ini diharapkan dapat menceriakan sambutan perayaan terutamanya bagi keluarga kurang berkemampuan agar mereka turut berpeluang menikmati kegembiraan bersama insan tersayang dalam suasana yang lebih bermakna.

Sehingga kini, 99 Speedmart memiliki lebih 3,000 cawangan di seluruh negara dan disenaraikan di papan Utama Bursa Malaysia.